

Dalam edisi kali ini, kami memberi sorotan kepada penyelidikan terkini yang dilakukan oleh pasukan ROSA. Terutamanya, kejayaan simposium tahunan ROSA yang ketiga, dengan tema “Menyokong Penuaan Aktif dalam Komuniti Kita”, seiring dengan Pelan Tindakan bagi Penuaan yang Berjaya 2023 di Singapura. Simposium tersebut telah membincangkan beberapa topik seperti kesejahteraan ekonomi, meninjau beberapa aspek seperti inti pati pekerjaan, bekerja semula dan kecukupan kewangan untuk persaraan. Kami juga membincangkan cara mengubah persekitaran yang dibina untuk menggalakkan kelanjutan usia melalui keterangkuman dan mobiliti sosial. Acara ini menitikberatkan peranan ROSA sebagai platform yang menyatukan penggubal dasar, ahli akademik, para pakar dan orang ramai untuk membincangkan penyelesaian yang wajar. Kami juga berkongsi wawasan dan perkembangan lain yang menunjukkan kepentingan penyertaan anda dalam Panel Hayat Singapura.

## Sesi Perjumpaan Panel Hayat Singapura® pada Ogos 2023



*Ahli SLP yang menyertai sesi perjumpaan kami pada bulan Ogos.*

Dalam perbincangan berkenaan membanteras pemencilan sosial dalam kalangan warga emas dan langkah SG yang lebih sihat, beberapa perkara menarik telah diketengahkan. Ini termasuk keperluan untuk (1) menggalakkan penerimaan dan pemahaman dalam gaya hidup keluarga moden hari ini, (2) mempelbagaikan aktiviti yang tersedia untuk warga emas yang lebih tua, (3) menyingkirkan konotasi negatif terhadap ‘penuaan’, dan (4) menggalakkan kesedaran inisiatif SG yang Lebih Sihat, berserta dengan hubungan yang lebih baik antara doktor dan pesakit.

## Sorotan Kakitangan

Mindy menyertai ROSA sebagai Pembantu Penyelidikan pada tahun 2021. Beliau membantu menulis penerbitan penyelidikan dalaman dan luaran Pusat ini, dan menggemari



proses menguar-uarkan usaha kerja ROSA kepada orang ramai. Dia rasa teruja dengan usaha yang dilakukan oleh ROSA untuk meluaskan kelanjutan usia yang sihat di Singapura. Di luar tempat kerja, beliau sibuk meluangkan masa bersama anak-anak dan kekal aktif dengan berenang dan bermain tenis.

Yiwen menyertai ROSA sebagai Fellow Penyelidikan pada tahun 2023. Tugas utama beliau ialah menjalankan penyelidikan untuk ROSA, dengan memberi tumpuan



kepada penerbitan akademik dan bukan akademik. Yiwen bersungguh-sungguh mahu memacu matlamat ROSA untuk meneliti trend kontemporari dalam penuaan demi meningkatkan jejak penyelidikan kami. Beliau sangat bersemangat untuk mencuba kaedah

penyelidikan yang lebih maju yang menyumbang kepada usaha penyelidikan ROSA.


## Petikan Penyelidikan

Ringkasan penyelidikan ROSA mempamerkan wawasan yang diperoleh daripada data yang anda sumbangkan sebagai ahli Panel Hayat Singapura yang dihargai. Ringkasan penyelidikan ini boleh dimuat turun daripada laman web ROSA dan bertujuan untuk memaklumkan penggubal dasar dan orang ramai tentang penemuan penting berkaitan kelanjutan usia dan penuaan yang sihat. Dalam edisi ini, kami berkongsi sorotan utama daripada 3 ringkasan penyelidikan yang terkini.


### Keselesaan Kejiranan

Di sini kami meninjau pengaruh aspek fizikal dan sosial yang berbeza-beza terhadap keselesaan kejiranan secara menyeluruh. Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 1 dan Gambar rajah 2, kami mendapati mereka yang tinggal dalam kejiranan yang mempunyai 6 kemudahan atau lebih (iaitu tempat makan, klinik, pusat komuniti, dll.) dalam jarak berjalan kaki, berasa lebih berpuas hati dengan kejiranan mereka. Mereka yang tinggal berhampiran kawasan hijau atau taman rekreasi terutamanya, rata-rata jauh lebih berpuas hati. Di samping itu, hanya 1 daripada 10 orang menyatakan mereka kenal dan tahu nama kebanyakan atau semua jiran yang tinggal berhampiran, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 3. Ini bermakna, kami mendapati ia menunjukkan aktiviti yang terhad dalam kalangan sesetengah responden. Walau bagaimanapun, tahap puas hati dan perhubungan sosial mungkin berbeza berdasarkan umur dan jenis rumah kediaman. Dasar yang dibentuk perlu menggalakkan interaksi kejiranan dalam kalangan warga emas daripada pelbagai latar belakang dan memberi tumpuan kepada perhubungan sosial dengan mempelbagaikan aktiviti awam.


Gambar rajah 1. Kadar responden yang agak berpuas hati atau sangat berpuas hati dengan kejiranan mereka berdasarkan jumlah kemudahan.



Gambar rajah 2. Kadar responden yang agak berpuas hati atau sangat berpuas hati dengan kejiranan mereka berdasarkan kewujudan taman rekreasi, kawasan hijau atau tempat bersenam.




Gambar rajah 3. Kadar responden yang kenal dan tahu nama jiran berhampiran mereka.



### Penentu kepuasan hidup

Kami menggunakan kaedah pembelajaran mesin yang maju untuk mengenal pasti kemungkinan pengaruh kepuasan hidup dalam kalangan warga emas. Kami mendapati empat domain; memahami makna dan tujuan, berpuas hati dengan aktiviti harian, berpuas hati dengan situasi ekonomi dan kesihatan yang memuaskan, sangat berkait rapat dengan kepuasan hidup secara keseluruhan. Kami juga mendapati memahami makna dan tujuan mungkin menjadi syarat yang mempengaruhi kepuasan ekonomi dan hidup. Kami turut menjalankan simulasi komputer untuk mengkaji kesan campur tangan terhadap kepuasan hidup apabila menyasarkan domain tertentu. Sebagai contoh, jika ada campur tangan yang boleh meningkatkan tanggapan kepuasan kesihatan, ia juga boleh meningkatkan kepuasan hidup. Pembentukan dasar perlu mempertimbangkan kepentingan tanggapan subjektif terhadap kepuasan hidup semasa menggubal dasar berkenaan kesejahteraan. Selain itu, agensi dan kementerian perlu bergerak seiring untuk menyepadukan kesihatan, ekonomi dan aktiviti sosial lain demi meningkatkan kesejahteraan warga emas. Akhir sekali, kepentingan pemahaman makna dan tujuan hidup mempunyai kesan yang sangat besar terhadap kepuasan hidup dalam kalangan warga emas.

Gambar rajah 4. Empat domain utama yang mempengaruhi kepuasan hidup dalam kalangan warga emas.



## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (**10 pagi hingga 5 petang**, Isnin hingga Jumaat) atau di [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa bersedia mendengar pendapat anda.

## Pakej Perintis, Merdeka, dan Majulah

Dalam laporan ini, kami bandingkan tiga kumpulan generasi; Generasi Perintis, Generasi Merdeka dan Generasi Majulah, dengan fokus kepada ciri status kewangan, demografi, kesihatan dan persaraan. Perkara ini selaras dengan “warga emas yang lebih muda” baharu dan selari dengan matlamat Pakej Majulah – satu inisiatif untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi dengan melanjutkan tenaga kerja. Seperti yang dijangka, golongan yang lebih tua, yang berkemungkinan besar kurang bekerja atau menghadapi masalah kesihatan kronik, menunjukkan tahap pendapatan yang lebih rendah, yang mengurangkan kuasa pembelian mereka. Kira-kira 21.5% responden mempunyai plan persaraan, sementara 22.8% tidak mempunyai plan ini. Sementara itu, kira-kira 50.5% responden boleh dikatakan mempunyai plan persaraan, tetapi mereka rasa ia tidak mencukupi. Penyelidikan ini menjelaskan trend demografi penting dan dinamik kewangan dalam kalangan kumpulan generasi ini, dan memberi gambaran yang berharga untuk penggubal dasar dan pemegang amanah.

Gambar rajah 5. Kadar warga emas yang lebih muda yang mempunyai atau tidak mempunyai plan persaraan dalam bulan Januari 2023 (n=2,246).

